

05 NOV 2002

Asean-Jepun/I

ASEAN, JEPUN METERAI USAHA SAMA EKONOMI

Oleh: Muin Abdul Majid

PHNOM PENH, 5 Nov (Bernama) -- Sehari selepas menandatangani perjanjian dengan China bagi kemungkinan mewujudkan Kawasan Perdagangan Bebas Asia (FTA) yang terbesar di dunia, Asean dan satu lagi kuasa besar Asia Utara, Jepun, hari ini memeterai deklarasi usaha sama ekonomi komprehensif (CEP) bagi kemungkinan mewujudkan FTA dalam masa 10 tahun.

Dalam deklarasi yang dikeluarkan sempena sidang kemuncak di sini, pemimpin Asean dan Jepun berkata kedua-dua pihak wajar mencari rakan usaha sama yang lebih besar yang tidak sahaja meliputi liberalisasi perdagangan dan pelaburan, malah turut membabitkan usaha mempromosi dan kemudahan perdagangan dan pelaburan.

Mereka memutuskan supaya satu jawatankuasa khas diwujudkan bagi membuat draf kerangka kerja ke arah merealisasikan CEP yang akan mengemukakan laporan pada mesyuarat para pemimpin tahun depan.

Bagaimanapun, tidak dinyatakan mengenai sektor pertanian yang merupakan bidang sensitif untuk Jepun.

Para pemimpin berkata dalam masa merangka CEP antara Jepun dan Asean secara menyeluruh, mana-mana negara anggota Asean dan Jepun boleh memulakan usaha untuk membangunkan hubungan ekonomi dua hala.

"Kami memperakui bahawa matlamat pelaksanaan blok itu bagi memperkukuhkan usaha sama ekonomi semasa antara Jepun dan Asean secara menyeluruh dan dengan menjadikannya sebagai asas untuk meneroka dan memperluaskan hubungan ekonomi bagi keseluruhan Asia Timur," kata para pemimpin itu.

Dokumen itu ditandatangani oleh kesemua 10 pemimpin Asean dan Perdana Menteri Jepun, Junichiro Koizumi. Malaysia diwakili oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

CEP, menurut mereka, akan mengembangkan dan meningkatkan perdagangan antara kedua-dua kawasan dan menjelang 2020, nilai eksport dari Asean ke Jepun akan meningkat sebanyak AS\$20.63 bilion (AS\$1=RM3.80) atau 44.2 peratus lebih tinggi daripada tahun asas 1997.

Nilai eksport dari Jepun kepada Asean akan meningkat sebanyak AS\$20.02 bilion yang bersamaan dengan 27.5 peratus jumlahnya pada tahun asas itu.

Para pemimpin Asean dan Jepun juga menegaskan bahawa layanan khas dan berbeza boleh diberikan kepada negara-negara membangun di Asean mengikut perjanjian Pertubuhan Perdagangan Dunia, dengan fleksibiliti diberikan kepada anggota baru Asean.

Sidang kemuncak Asean+Jepun hari ini adalah susulan Sidang Kemuncak Asean kelapan dan sidang Kemuncak Asean+China. Asean juga mengadakan mesyuarat peringkat tertinggi dengan Korea Selatan hari ini.

Dan buat pertama kali, para pemimpin Asean dan India mengadakan sidang kemuncak untuk merencanakan arah tuju strategik ke arah memperkukuhkan hubungan dan mempererat integrasi ekonomi antara Asia Tenggara dan Asia Selatan.

Sidang kemuncak itu diilhamkan oleh Perdana Menteri Kemboja, Hun Sen semasa lawatannya ke New Delhi pada Februari 2000 dan dipersetujui pada Sidang Kemuncak Asean di Brunei tahun lepas.

India yang diwakili Perdana Menteri Atal Bihari Vajpayee di sini, bersetuju membantu pelaksanaan Inisiatif Integrasi untuk Asean (IAI), menerima pakai teknologi maklumat dan komunikasi sebagai teras utama dalam kerjasama.

IAI dilancarkan dua tahun lepas bagi merapatkan jurang pembangunan

antara negara anggota Asean yang lama dan baru dengan menggerakkan sumber-sumber dalaman Asean serta meneroka rantau luar serta sektor swasta.

India merupakan sebuah pasaran ekonomi baru muncul di dunia dengan keluaran dalam negara kasar lebih daripada AS\$2 trilion dan pasaran untuk 1.5 bilion orang.

Jumlah perdagangan antara Asean dan India pada 1999 berjumlah AS\$7.6 bilion dan meningkat kepada AS\$9.9 bilion pada 2001.

-- BERNAMA

MAM AZZ LAT